

Firma swasta jadi penaja- PM

Latihan niaga:

Ramai berminat

SHAH ALAM, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ramal kakitangan Kerajaan menunjukkan minat untuk menyertai rancangan latihan perniagaan runcit yang akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Perdana Menteri berkata, kumpulan pertama kakitangan Kerajaan yang dipilih untuk menyertai rancangan itu akan menjalani latihan yang dikendalikan oleh firma-firma swasta tidak lama lagi.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Umno Se-

Oleh AHMAD PUAD ONAH

langor, di sini hari ini, beliau berkata, satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, telah menyilapkan laporan mengenai rancangan itu dan memilih kakitangan Kerajaan yang layak.

Menurutnya, rancangan latihan itu diadakan sejajar dengan hasrat Kerajaan hendak meningkatkan taraf pengurusan kedai-kedai runcit di negara ini dan menambah bilangan usahawan di dalam bidang perniagaan

itu.

Rancangan itu, kata beliau, akan dibuka kepada semua kakitangan awam peringkat perkeranian, teknik dan kumpulan buruh (IMG).

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan, kakitangan Kerajaan yang berminat menyertai latihan di

bawah rancangan itu akan diberi gaji penuh sepanjang masa mereka menghadiri kursus.

Rancangan latihan itu akan ditaja oleh beberapa firma swasta, teas beliau.

"Setelah tamat kursus, mereka yang ingin menjalankan perniagaan akan diminta berhenti dari khidmat Kerajaan untuk membolehkan

mereka menceburkan diri sepenuh masa dalam perniagaan yang dipilih," ujarnya.

Perdana Menteri juga berkata, latihan itu akan diadakan secara berperingkat-peringkat, mengikut bilangan permohonan yang diterima.

Jangka masa sesuatu kursus akan ditetapkan oleh firma-firma yang menjadi penaja, katanya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia